

SISTEM PENYELIAAN LATIHAN MENGAJAR SECARA ELEKTRONIK
BERASASKAN PEMBELAJARAN KOLABORATIF

MEGAT AMAN ZAHIRI BIN MEGAT ZAKARIA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Teknologi Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

OKTOBER 2014

DEDIKASI

Nukilan ini khas dan istimewa buat isteri dan anak-anak tersayang;

Siti Norritah Ahmad

Puteri Nur Khairiyah

Megat Arifuddin &

Megat Sharifuddin

yang telah banyak berkorban demi kejayaanku.

Juga buat ibu dan ibu bapa mertua serta semua adik-beradik dan sanak saudara

Semoga kejayaan ini mampu dikongsi bersama.

Niatku untuk berjaya hanya ingin membanggakan kalian semua.

Semoga niatku ini dimakbulkan Allah SWT.

Buat rakan-rakan seperjuangan, tanpa bantuan kalian aku tidak akan berjaya.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, akhirnya saya berjaya menyiapkan tesis ini walaupun memakan masa yang amat panjang. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof Dr Baharuddin Aris dan Prof Madya Dr Jamaluddin Harun selaku penyelia saya yang sentiasa membantu, membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang perjalanan kajian ini berlangsung. Terima kasih kerana tidak jemu melayan kerenah saya dalam jangka masa yang amat panjang.

Ucapan terima kasih istimewa untuk keluarga saya terutama isteri, anak-anak, ibu bapa serta ahli keluarga kerana sentiasa berada di belakang saya untuk memberi sokongan, galakan dan bantuan kepada saya dalam menggapai sebuah kejayaan. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pengurusan Fakulti Pendidikan terutamanya dekan, Prof Dr Mohd Salleh bin Abu dan juga mantan dekan, Prof Madya Dr Mohamad Bilal Ali serta semua Jawatankuasa pengurusan Fakulti Pendidikan yang telah banyak memberi ruang, membantu dan memberikan kerjasama kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan dalam Jabatan Pendidikan Sains, Matematik dan Kreatif Multimedia kerana sentiasa membantu dan memberikan sokongan kepada saya. Perhargaan khas juga diberikan kepada PM Dr Norafandy Yahaya, PM Dr Sukri Muhamad Saud, PM Dr Zainal Abidin, Tn Hj Meor Ibrahim dan sahabat-sahabat yang lain yang tidak jemu memberi semangat dan dorongan untuk saya. Jasa kalian hanya Allah SWT sahaja yang dapat membalasnya.

ABSTRAK

Latihan mengajar merupakan satu aspek yang sangat penting dalam latihan keguruan. Guru pelatih dihantar ke sekolah untuk mendapatkan pengalaman sebenar dalam bilik darjah, di samping mengaplikasikan teori yang telah dipelajari di universiti. Latihan yang berkualiti akan menjamin guru yang kompeten dihasilkan oleh universiti. Oleh itu, latihan mengajar yang dilaksanakan di sekolah-sekolah perlu dipantau, dan proses bimbingan ke atas guru pelatih dilakukan secara berterusan. Dalam konteks kajian ini, penggunaan teknologi dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses latihan dan bimbingan guru-guru pelatih. Kajian ini bertujuan membina dan menilai kesan pembelajaran menerusi sistem latihan mengajar yang menggunakan pendekatan kolaboratif. Bagi menentukan kualiti guru pelatih, kemahiran generik mereka telah dikaji. Dapatan menunjukkan bahawa kemahiran generik guru-guru pelatih berada pada tahap yang tinggi (min 3.98). Keputusan juga menunjukkan bahawa tahap penyeliaan penyelia terhadap guru-guru pelatih turut berada pada tahap yang tinggi (min 4.53). Bagi tujuan pembinaan sistem pembelajaran latihan mengajar menerusi web, beberapa elemen kolaboratif telah digunakan. Kesan sistem latihan mengajar menerusi web ini juga telah diuji menerusi kaedah kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru pelatih bersetuju bahawa sistem latihan yang dibangunkan dapat membantu guru pelatih meningkatkan keyakinan mereka dalam menyediakan rancangan pelajaran. Hasil kajian juga menunjukkan sistem latihan mengajar yang dibina dapat membantu meningkatkan kemahiran generik guru-guru pelatih pada tahap yang tinggi (min 4.02).

ABSTRACT

Teaching practice is a central aspect in a teacher training program. Teacher trainees are sent to schools to gain experience in real classroom situations as well as to apply theories learnt at the university. Quality training will ensure competent teachers are produced by the university. Thus, teaching practice in schools should be monitored closely, and the supervision of teacher trainees should be carried out continuously. In this context of study, the use of technology is fully utilized in both aspects of training and supervising the teacher trainees. This study aims to develop and evaluate the effect of a web teaching practice system that uses a collaborative approach. For the purpose of determining the quality of teacher trainees, a review of their generic skills has been conducted. The results show that the level of generic skills of teacher trainees is at high level (mean 3.98). The results also indicate that the level of supervision by supervisors on teacher trainees is also at high level (mean 4.53). For the purpose of developing the system via web, the study has identified a number of collaborative elements that are specifically used for the development of web-based system. The effect of the system was tested through qualitative strands. The results indicate that most of the teacher trainees agree that the developed system helps trainees improve their confidence in preparing their lesson plans. Finding also reveals that the teaching practice system of the website helps improve the level of teacher trainees' generic skills to a high level (mean 4.02).

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xviii
	SENARAI SIMBOL	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xx
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Penyelidikan	8
	1.5 Persoalan kajian	9
	1.6 Kerangka Teori	10
	1.7 Kepentingan kajian	11
	1.8 Skop dan Batasan	13
	1.9 Definisi Operasional	14
	1.9.1 Latihan Mengajar	14
	1.9.2 Pembelajaran kolaboratif	15
	1.9.3 Kemahiran Generik	16

1.9.4	Penyeliaan	16
1.9.5	Guru Pelatih	17
1.9.6	Pensyarah Pembimbing	17
1.9.7	Guru Pembimbing	18
1.9.8	Sistem Maklumat Latihan Mengajar (SMLM)	19
1.10	Penutup	19
2	SOROTAN KAJIAN	21
2.0	Pengenalan	21
2.1	Isu Berkaitan Pendidikan Guru	21
2.2	Model Konseptual Guru	23
2.3	Guru berkualiti mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi.	24
2.4	Kemahiran Generik	27
2.5	Pembelajaran berasaskan Web	29
2.6	Pembelajaran Kolaboratif	30
2.7	Alatan Komunikasi Dalam Kaedah Kolaboratif Menerusi Web	33
2.8	Penyeliaan	34
2.9	Reka bentuk Pengajaran	37
	2.9.1 Model ADDIE	37
	2.9.2 Model SDLC	40
	2.9.3 Model <i>Spiral</i>	41
2.10	Pembangunan Learning Management System (Moodle)	42
2.11	Penutup	42
3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka bentuk kajian	43
3.3	Reka bentuk pelaksanaan kajian	45
	3.3.1 Fasa Analisis	45

3.3.2	Fasa Reka bentuk	55
3.3.3	Fasa Pembangunan	55
3.3.4	Fasa Perlaksanaan	56
3.3.5	Fasa Penilaian	56
3.4	Pensampelan	57
3.4.1	Pemilihan pelajar/Guru Pelatih	57
3.4.2	Pemilihan lokasi sekolah	60
3.4.3	Pemilihan pensyarah pembimbing	60
3.5	Instrumen Kajian	61
3.5.1	Soal selidik	61
3.5.2	Temu bual	65
3.6	Analisis data	66
3.7	Penutup	71
4	REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN CSCLinTP	72
4.1	Pengenalan	72
4.2	Matlamat Pembangunan CSCLinTP	72
4.3	Pembangunan CSCLinTP	73
4.3.1	Analisis	74
4.3.2	Reka bentuk	78
4.3.3	Pembangunan CSCLinTP	79
4.3.4	Implementasi	86
4.3.5	Penilaian	87
4.4	Rumusan	87
5	KEPUTUSAN DAN ANALISIS DATA	88
5.1	Pengenalan	88
5.2	Analisis Tahap Kemahiran Generik Yang Wujud Di Kalangan Guru - Guru Pelatih	88
5.3	Analisis Tahap Penyeliaan Yang Berkesan	98
5.4	Analisis Terhadap Ciri - Ciri Pembelajaran Kolaboratif Yang Sesuai Bagi Reka Bentuk Laman Web Kolaboratif CSCLinTP	106

5.4.1	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah membolehkan pembelajaran dalam kumpulan berlaku.	107
5.4.2	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah melibatkan pensyarah pembimbing.	109
5.4.3	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah membolehkan pembelajaran berlangsung dalam suasana yang menggalakkan / mereka suka belajar	111
5.4.4	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah membolehkan perkongsian Persediaan /Bahan Pengajaran	112
5.4.5	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah mengambil kira kemudahan untuk Capaian Internet	114
5.4.6	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah mengambil kira tanggungjawab ahli dalam kumpulan pembelajaran	116
5.4.7	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah mempunyai bahagian yang membolehkan mereka menjelaskan dan mempertahankan idea mereka	117
5.4.8	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah mempunyai elemen pembelajaran fleksibel	119
5.4.9	Sistem yang bakal dibangunkan haruslah menyediakan pakar yang boleh membimbing semasa pembelajaran berlangsung	120
5.5	Analisis kesan CSCLinTP dalam aspek penulisan persediaan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, pembentukan keperibadian dan refleksi sendiri guru pelatih.	122
5.5.1	Adakah CSCLinTP yang dibangunkan	

	memberi kesan kepada Penulisan Persediaan pengajaran responden?	123
5.5.2	Adakah CSCLinTP yang dibangunkan memberi kesan kepada pelaksanaan pengajaran	125
5.5.3	Adakah CSCLinTP yang dibangunkan memberi kesan kepada pembentukan keperibadian dan ikhtisas	127
5.5.4	Adakah CSCLinTP yang dibangunkan memberi kesan kepada refleksi diri guru.	129
5.6	Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Generik Guru Pelatih	131
5.7	Penutup	143
6	PERBINCANGAN , KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	144
6.1	Pengenalan	144
6.2	Perbincangan	144
6.2.1	Tahap Kemahiran Generik Pelajar Mereka Sebelum Menjalani Latihan Mengajar Di Sekolah.	145
6.2.2	Tahap Penyeliaan Berkesan Oleh Pensyarah Terhadap Guru Pelatih Pada Pandangan Guru Pelatih.	151
6.2.3	Pandangan Guru Pelatih Terhadap Reka bentuk Sistem CSCLinTP Yang Sesuai Berasaskan Pendekatan Kolaboratif	158
6.2.4	Pandangan Guru Pelatih Terhadap CSCLinTP yang dibina dalam meningkatkan keyakinan mereka.	159
6.3	Kesimpulan	163
6.3.1	Persepsi Guru pelatih terhadap kemahiran generik mereka sebelum menjalani Latihan	163

	mengajar di sekolah.	
6.3.2	Persepsi Guru pelatih terhadap penyeliaan yang berkesan antara mereka dan pensyarah Pembimbing	164
6.3.3	Pandangan Guru Pelatih terhadap reka bentuk sistem CSCLinTP yang sesuai berasaskan pendekatan kolaboratif	165
6.3.4	Persepsi guru pelatih terhadap persekitaran CSCLinTP yang dibina dalam meningkatkan kemahiran generik mereka	166
6.4	Kesimpulan Keseluruhan	166
6.5	Implikasi Kajian	167
6.5.1	Implikasi kepada Guru Pelatih	167
6.5.2	Implikasi kepada Fakulti Pendidikan	168
6.5.3	Implikasi Kepada Pensyarah pembimbing	170
6.5.4	Pakar reka bentuk pengajaran	170
6.5.5	Implikasi Kepada Pengkaji Lain	171
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	171
6.7	Penutup	173
	BIBLIOGRAFI	174
	Lampiran A - L	196 - 233

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kaedah Pengumpulan Data	44
3.2	Contoh Soal Selidik Kemahiran Generik Bahagian B.	48
3.3	Konstruk Dan Nilai Alfa Soal Selidik Kemahiran Generik	48
3.4	Contoh soal selidik penyeliaan berkesan.	50
3.5	Konstruk dan nilai alfa soal selidik penyeliaan berkesan	51
3.6	Contoh Soal Selidik Keberkesanan Sistem CSCLinTP /Moodle dalam Meningkatkan Kemahiran Generik Guru Pelatih	53
3.7	Konstruk dan nilai alfa Soal Selidik Keberkesanan Sistem CSCLinTP / Moodle dalam Meningkatkan Kemahiran Generik Guru Pelatih	54
3.8	Jadual Kerja Bagi Pelaksanaan Penyelidikan	56
3.9	Kekerapan dan Peratusan Demografi Jantina	58
3.10	Jadual Zon Latihan mengajar Guru Pelatih.	60
3.11	Pengagihan skala Likert dan anggaran persetujuan	61
3.12	Pembahagian Soalan Soal Selidik Kemahiran Generik.	62
3.13	Pembahagian Soalan Soal Selidik Penyeliaan Berkesan	64
3.14	Pembahagian soalan soal selidik keberkesanan CSCLinTP dari aspek kemahiran Generik.	64
3.15	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Komunikasi	67
3.16	Contoh Analisis Tahap Kemahiran Generik	67
3.17	Keputusan Analisis Ciri-Ciri Penyeliaan Berkesan	68
3.18	Ringkasan Penyataan Responden Berkaitan Sistem Yang	

	Bakal Dibangunkan Haruslah Membolehkan Pembelajaran Dalam Kumpulan berlaku	69
3.19	Contoh Ringkasan Pernyataan Responden Berkaitan Sistem CSCLinTP Membantu Responden Menulis Rancangan Pelajaran.	69
3.20	Contoh Jadual Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Guru Pelatih	70
3.21	Contoh Jadual Keputusan tahap kemahiran generik setelah menggunakan CSCLinTP	71
4.1	Tujuan pembangunan dan perisian yang digunakan.	76
5.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Komunikasi	89
5.2	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah	90
5.3	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Kerja Berpasukan	91
5.4	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Seumur Hidup	92
5.5	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Kepimpinan dan Proaktif	93
5.6	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Beretika dan Berintegriti	94
5.7	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran Penyesuaian Diri .	95
5.8	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran “Self Esteem”	96
5.9	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Kemahiran ICT	96
5.10	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Semua Konstruk Kemahiran Generik Yang Dikaji	97
5.11	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Penyelia Membantu Guru Pelatih Dalam Aspek Persediaan Pengajaran	99

5.12	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Penyelia Membantu Guru Pelatih Dalam Aspek Pelaksanaan Pengajaran	101
5.13	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Penyelia Membantu Guru Pelatih Dalam Aspek Pembentukan Keperibadian	104
5.14	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Penyelia Membantu Guru Pelatih Dalam Aspek Refleksi Kendiri	105
5.15	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konstruk Penyelia Membantu Guru Pelatih	105
5.16	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Sistem yang bakal dibangunkan haruslah membolehkan pembelajaran dalam kumpulan berlaku.	108
5.17	Ringkasan Penyataan Responden Berkaitan Sistem Yang Bakal Dibangunkan Haruslah Melibatkan Pensyarah Pembimbing.	110
5.18	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Pembelajaran berlangsung dalam suasana yang menggalakkan / mereka suka belajar	112
5.19	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Perkongsian Persediaan /Bahan Pengajaran	113
5.20	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Kemudahan untuk Capaian	115
5.21	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Tanggungjawab ahli dalam kumpulan pembelajaran	116
5.22	Ringkasan Penyataan responden berkaitan kebolehan menjelaskan dan mempertahankan idea mereka	118
5.23	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Bentuk pembelajaran fleksibel	119
5.24	Ringkasan Penyataan responden berkaitan Menyediakan pakar yang boleh membimbing semasa pembelajaran berlangsung	120
5.25	Ringkasan Penyataan responden berkaitan CSCLinTP	

	membantu dari aspek penyediaan Rancangan pengajaran	123
5.26	Ringkasan Penyataan responden berkaitan CSCLinTP membantu dari aspek pelaksanaan pengajaran	126
5.27	Ringkasan Penyataan responden berkaitan CSCLinTP membantu dari aspek pembentukan keperibadian dan ikhtisas	128
5.28	Ringkasan Penyataan responden berkaitan CSCLinTP membantu dari aspek refleksi sendiri	130
5.29	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Guru Pelatih	132
5.30	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Pemikiran Kritikal dan Penyelesaian Masalah Guru Pelatih	133
5.31	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Kerja Berpasukan Guru Pelatih	135
5.32	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Pengurusan Maklumat dan Pembelajaran Seumur Hidup Guru Pelatih	136
5.33	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Kepimpinan dan Proaktif Guru Pelatih	137
5.34	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Beretika dan Berintegriti Guru Pelatih	138
5.35	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran penyesuaian Diri Guru Pelatih	139
5.36	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran “Self Esteem” Guru Pelatih	140
5.37	Min dan Sisihan Piawai bagi Persekitaran CSCLinTP	

	Membantu Meningkatkan Kemahiran ICT Guru Pelatih	141
5.38	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Semua Konstruk Persekitaran CSCLinTP Membantu Meningkatkan Kemahiran Generik	142

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Kajian	11
2.1	Model Konseptual Guru	21
2.2	Model ADDIE	35
2.3	Model SDLC	35
2.4	Model Spiral	35
4.1	Paparan Dalam XAMPP 1.73	75
4.2	Paparan Muka Hadapan Sistem Csclintp	79
4.3	Paparan Dalam Mata Pelajaran SPA2008 (Latihan Mengajar)	79
4.4	Pilihan Paparan Dalam Bentuk “ <i>Topic Format</i> ”	80
4.5	Paparan Forum “Jom Bincang Sama-Sama”	81
4.6	Contoh Tajuk Perbincangan Dalam Forum “Jom Bincang Sama-Sama	81
4.7	Salah Contoh Respon Dalam Forum.	81
4.8	Paparan Login Ke Sistem.	82
4.9	Keratan Rentas Memuat Naik Bahan	82
4.1	Sebahagian Pensyarah Pembimbing Yang Terlibat Csclintp	83
4.11	Paparan “Chat” Atau Jom Sembang Dalam Csclintp	84
4.12	Contoh Paparan “Jom Sembang” Dalam Csclintp	84
4.13	Contoh Sistem Csclintp Untuk Menghantar Mesej Secara Individu Kepada Pensyarah Pembimbing.	85
4.14	Paparan contoh soal selidik penyeliaan berkesan menerusi sistem CSCLinTP.	86

SENARAI SIMBOL

UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
CSCLinTP	-	<i>Computer Supported Collaborative Learning in Teaching Practice</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
ANOVA	-	<i>Analysis of Variance</i>
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
ADDIE	-	<i>Analyze, Design, Development, Implementation, Evaluation</i>
IPTA	-	Institut Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	-	Institut Pendidikan Tinggi Swasta

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik Kemahiran Generik Guru Pelatih UTM	195
B	Soal Selidik Penyeliaan Berkesan Oleh Pensyarah Pembimbing UTM	206
C	Soal Selidik Sistem CSCLinTP /Moodle Dalam Meningkatkan Kemahiran Generik Guru Pelatih	213
D	Pengesahan Instrumen Soal selidik Kajian : Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kemahiran Generik Yang Mereka Miliki	219
E	Pengesahan Instrumen Kajian : Soal Selidik Penyeliaan Oleh Pensyarah Pembimbing Dalam Program latihan mengajar,UTM	221
F	Pengesahan Instrumen Kajian : Soal Selidik Persepsi Guru pelatih terhadap Kemahiran Generik Setelah Menggunakan laman web berasaskan kolaboratif di Fakulti Pendidikan, UTM	225
G	Pengesahan Pakar Bidang (Laman Web Berasaskan Kolaboratif/Moodle)	227
H	Pengesahan Pakar Bidang (Isi Kandungan Latihan Mengajar)	228
I	Kajian Rintis Bagi Instrumen Kemahiran Generik	225
J	Kajian Rintis Bagi Instrumen Penyeliaan Berkesan	229
K	Kajian Rintis Bagi Instrumen CSCLinTP	231
L	Rajah aliran pengumpulan sampel kajian	233

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia memerlukan tenaga kerja yang berkualiti dan kompeten dalam pelbagai bidang. Oleh itu sewajarnya salah satu peranan utama institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini ialah menyediakan graduan bagi memenuhi keperluan tersebut. Sehubungan itu tugas guru adalah komponen terpenting dalam menentukan kualiti pendidikan negara (Noraini *et al.*, 2005). Menurut Turney (1977), kualiti sebuah negara bergantung kepada kualiti warganegaranya. Kualiti warganegaranya bergantung kepada kualiti pendidikan. Kualiti pendidikan sangat bergantung kepada kualiti guru-gurunya.

Oleh itu, semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang menawarkan kursus perguruan harus menitikberatkan aspek kualiti dalam mereka bentuk dan melaksanakan program mereka. Di kebanyakan negara, program pendidikan guru terdiri daripada dua komponen teras utama iaitu komponen kerja kursus dan komponen amali. Oleh itu, bagi institusi yang menawarkan program pendidikan, komponen amali yang utama adalah latihan mengajar.

Latihan mengajar merupakan satu aspek yang sangat penting dalam latihan keguruan. Ia merupakan latihan sebenar di mana para pelatih akan dihantar ke sekolah-sekolah bagi mendapat latihan mengenai pendidikan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Menerusi latihan ini, bakal guru mengalami situasi sebenar alam

pekerjaan yang mereka ceburi. Menurut Noraini *et al.* (2005), selain membolehkan guru menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan, latihan mengajar juga memberikan keyakinan diri kepada guru pelatih untuk menjadi seorang guru. Kepentingan latihan mengajar ini adalah umpama jambatan yang menghubungkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di institusi pendidikan keguruan dengan alam pekerjaan sebenar di sekolah.

Satu aspek yang paling penting dalam latihan mengajar adalah penyeliaan. Penyeliaan merupakan satu aktiviti dalam sistem pendidikan yang dibina bersama dengan elemen yang lain bagi dalam amalan praktik. Glickman *et al.* (2001) juga mencadangkan kekurangan dalam pembangunan pelajar adalah berpunca daripada guru dan kaedah pengajarannya. Masalah ini mungkin berpunca daripada latihan yang diterima di permulaan profesion perguruan yang mana penyeliaan yang efektif mungkin tidak dijalankan.

Dalam latihan mengajar, penyeliaan akan membolehkan guru pelatih diberi bimbingan oleh penyelia sama ada daripada pensyarah pembimbing atau guru pembimbing. Jika penyelia kurang pengetahuan dan gagal menyelia mengikut keperluan latihan mengajar, ia akan memberi kesan kepada pengajaran pelatih berkenaan dan akhirnya akan menjadikannya amalan yang kekal bagi pelatih. Oleh itu penyeliaan perlulah berkesan.

Keberkesanan penyeliaan banyak bergantung pada kebolehan kerjasama antara guru pelatih dan pensyarah pembimbing. Toh (2004) dalam kajiannya mendapati sekurang-kurangnya 75% daripada guru pelatih berpuas hati dengan pengajaran dan bimbingan pensyarah mata pelajaran pengkhususan, penyeliaan dan bimbingan pensyarah dan guru pembimbing pratikum di Maktab Perguruan Batu Lintang. Tugas membimbing guru pelatih ini bertujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran serta memberi peluang kepada guru pelatih untuk belajar.

Kajian-kajian lepas (Lovel & Wiles, 1983) juga mendapati keberkesanan sesuatu program latihan mengajar sangat bergantung kepada aspek bimbingan dan seliaan oleh penyelia-penyelia yang terlibat dalam program latihan mengajar. Apabila penyeliaan berkesan dapat dilakukan, pelatih-pelatih akan lebih yakin untuk

berhadapan dengan situasi sebenar serta akan memberikan mereka kemahiran–kemahiran seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran interpersonal dan lain-lain atau lebih mudah disebut sebagai kemahiran generik.

Kemahiran generik ini akan membolehkan guru pelatih menjalankan tugas dengan baik apabila menjadi guru yang sebenar pada masa akan datang. Dengan itu, kualiti pendidikan akan bertambah baik dan seterusnya akan membolehkan negara mencapai wawasan yang digariskan.

1.2 Latar belakang Masalah

Bahagian ini akan meninjau masalah-masalah yang berkaitan dengan latihan mengajar dan bagaimana proses penyeliaan yang berkesan sepatutnya dijalankan. Ia juga akan membincangkan berkaitan dengan kemahiran- kemahiran yang sepatutnya ada pada seseorang guru terutamanya kemahiran generik. Seterusnya tinjauan akan dilakukan terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang dapat membantu dalam mempertingkatkan kualiti program latihan mengajar. Hasil-hasil kajian yang ditinjau akan digunakan oleh penyelidik dalam mereka bentuk kajian berkaitan penyeliaan dalam latihan mengajar ini.

Program latihan mengajar yang baik akan menghasilkan bakal-bakal guru yang berpotensi untuk mendidik dan memacu ke arah pencapaian wawasan negara. Menurut Abdul Rahim (2001), tujuan latihan mengajar boleh dilihat dari segi kepentingannya iaitu keperluan ikhtisas, kemahiran praktis, menguji dan mengaplikasikan antara teori dan amalan pendidikan. Namun begitu, kajian tentang guru-pelatih sentiasa dijalankan dan didapati masih wujud masalah yang berkaitan prestasi guru pelatih yang kurang memuaskan (Noraini *et al.*, 2005). Menurut Kamaruddin (1998), masih terdapat guru-guru pelatih yang lemah dalam aspek perancangan pengajaran. Siti Zahora dan Abdul Malek (1999) pula mendapati dalam kajiannya, guru-guru pelatih masih menghadapi masalah berkaitan merancang kerja akibat gagal mengesan kebolehan murid, masa yang diperlukan untuk menjalankan setiap aktiviti dan bagaimana seharusnya kurikulum disusun.

Kajian juga mendapati pensyarah pembimbing kurang berjaya mewujudkan hubungan yang baik dengan guru-guru pelatih (Siti Zahora dan Abdul Malek, 1999). Menurut Flimer dan Chendran (1996), seseorang guru pelatih yang baik mempunyai kekuatan dalam aspek perancangan (bersistematik dan terperinci), mempunyai teknik yang berkesan, lebih matang untuk menerima pandangan penyelia serta mempunyai kebolehan menilai diri sendiri. Ia juga menyatakan bahawa prestasi seseorang guru pelatih bergantung kepada sahsiah termasuklah emosi, sikap, daya dan kreativiti dalam pengajaran, pengawalan kelas, pengurusan masa, teknik pengajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan berkesan.

Bagi memastikan tujuan latihan mengajar tercapai, pensyarah dan guru pembimbing harus memainkan peranan yang penting terutamanya dalam aspek bimbingan dan penyeliaan. Menurut buku Panduan Latihan Mengajar UTM (2004), pensyarah pembimbing berperanan membentuk dan membimbing guru pelatih menempuh alam pendidikan yang sebenar serta menjadi penghubung antara guru pelatih dengan pihak sekolah di samping tugas menilai prestasi pelatih. Bimbingan dan penyeliaan yang berkesan akan memberikan panduan kepada guru pelatih mendapatkan pengetahuan semasa latihan dijalankan. Penyeliaan yang dijalankan bukan hanya untuk menilai atau memperoleh grad semata-mata, tetapi juga harus mengandungi unsur-unsur pendidikan berterusan selaras dengan matlamat penyeliaan itu sendiri. Menurut buku panduan Latihan Mengajar UTM (2004), matlamat penyeliaan adalah untuk memberi bimbingan yang berterusan ke arah perkembangan nilai-nilai profesion perguruan di samping unsur-unsur penilaian yang dijalankan secara berterusan sepanjang tempoh latihan.

Menurut Toh (2004), kemahiran membuat penilaian, mengawal disiplin dan memotivasikan murid boleh dilatih secara teori di maktab atau universiti, dan boleh diperkukuhkan semasa praktik supaya pelatih bukan sahaja dapat menghargai teori tetapi juga dapat memerhatikan bagaimana teori diaplikasikan dalam situasi sebenar. Ia juga menegaskan latihan mengajar harus lebih fokus dan berunsur klinikal. Strategi membimbing pelatih dalam kemahiran-kemahiran ini perlu diatur dan dilaksanakan secara berkesan untuk memastikan pelatih dapat memperkembangkan kemahiran-kemahiran ini. Pandangan guru pelatih menunjukkan mereka amat memerlukan bimbingan dari penyelia semasa latihan mengajar. (Noraini *et al.* 2005).

Penyeliaan harus bersistematik yang boleh mencapai tujuan utama penyeliaan iaitu membimbing pelatih menjalankan proses pengajaran yang terbaik.

Walaupun begitu, masih terdapat masalah yang berkaitan penyeliaan ini. Kajian oleh Noraini *et al.* (2005) menunjukkan guru-guru pelatih memberi respons di peringkat sederhana tinggi (min 3.85) terhadap bantuan guru pembimbing semasa latihan mengajar. Ia juga melaporkan bahawa guru pelatih merasakan peranan guru pembimbing kurang mencukupi terutamanya dalam memberi bantuan sokongan semasa latihan mengajar, memberi nasihat tentang kemahiran mengajar dan menilai kemahiran mengajar guru pelatih.

Kualiti bimbingan dan penyeliaan tidak harus dipandang mudah terutamanya oleh guru dan pensyarah pembimbing. Kesan penyeliaan ini akan berterusan kepada pengajaran yang sebenar apabila guru pelatih mengajar di sekolah pada masa akan datang. Kesan ini merangkumi sikap dan amalan yang berterusan dan membentuk konsep dalam diri guru-guru berkenaan. Sikap dan amalan guru yang baik dan konsisten akan melahirkan seorang guru yang mampu memenuhi impian kerajaan seperti mana yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan seterusnya melahirkan guru-guru yang berkualiti.

Negara memerlukan guru-guru kompeten dan mampu menghadapi cabaran masa depan. Guru-guru yang berkualiti akan melahirkan generasi yang berkualiti. Guru menjadi satu teras kepada pendidikan yang diharapkan oleh negara. Guru harus mampu mendidik pelajar agar menjadi berilmu, berkemahiran serta menyumbang kepada kebaikan dunia hari ini. Matlamat pendidikan ini jelas ditampikan menerusi pelbagai aktiviti dan kemahiran yang diserapkan di semua institusi pendidikan termasuklah kepada guru-guru pelatih.

Salah satu kemahiran yang penting dicapai adalah kemahiran generik. Kemahiran generik merupakan salah satu kayu ukur yang menjadi medium untuk mengenal pasti sejauh mana tahap kesediaan pelajar menghadapi alaf globalisasi bagi melaksanakan tugas dengan sempurna (Nur Amirah *et al.* 2006). Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), kemahiran generik ialah kemahiran yang perlu

ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan pada kadar minimum sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran generik berkembang melalui proses semula jadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan.

Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, antara kemahiran yang dikenal pasti perlu dimiliki oleh pelajar adalah kemahiran komunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat dan lain-lain. UTM juga menetapkan kemahiran dan nilai yang perlu diterapkan untuk graduannya, antaranya adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran menyesuaikan diri, kemahiran bagi proses pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keyakinan diri dan kemahiran beretika atau moral (Buletin P & P, UTM Jun, 2004).

Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan kemahiran ini dapat dilengkapkan di samping kemahiran pengkhususan (teknikal) kepada graduan-graduan agar lebih kompeten dan berdaya saing di pasaran. Namun begitu, timbul persoalan bagaimana kemahiran tersebut harus diterapkan atau adakah ia boleh diajar. Kemahiran generik boleh diterapkan menerusi dua cara iaitu menerusi mata pelajaran khas atau merentas menerusi mata pelajaran lain. Banyak institusi mengamalkan konsep merentas mata pelajaran lain termasuklah di UTM.

Kajian oleh Mohd Zaki (2004) terhadap sekumpulan pelajar tahun empat yang mengambil mata pelajaran "*Plant Design*" mendapati kemahiran generik pelajar kejuruteraan di UTM berada pada skala 4 hingga 8 (daripada skala 10). Program latihan mengajar di UTM tidak terkecuali dalam menerapkan elemen kemahiran generik di kalangan guru-guru pelatihnya.

Persoalan yang timbul adalah bagaimana kemahiran generik ini dapat diterapkan kepada guru pelatih dalam keadaan pensyarah terpaksa menyelia pelatih yang ramai dalam satu-satu masa. Bantuan dan sokongan tertentu perlu bagi menyelesaikan masalah ini. Keadaan ini mungkin boleh ditingkatkan menerusi

penggunaan ICT dalam proses menyelia, dan menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif dijalankan.

Pembelajaran Kolaboratif Berbantuan Komputer (CSCL) merupakan satu teknologi yang boleh digunakan untuk membantu mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam dunia ICT hari ini. Ia dirujuk kepada satu kaedah reka bentuk pengajaran yang menggalakkan pelajar bekerjasama dan menyelesaikan masalah pembelajaran secara kolaboratif menerusi persetujuan dan koordinasi tertentu. Susan (1991) melaporkan bahawa pembelajaran kolaboratif :

- i. mewujudkan persekitaran perancangan yang demokratik, persekitaran penyelesaian masalah dan pengambilan risiko.
- ii. Membolehkan peserta mengenal pasti potensi dan kuasa mereka bagi mewujudkan pembelajaran sendiri
- iii. Membantu individu membuat pilihan yang baik berdasarkan pengalaman-pengalaman yang dikongsi dari orang lain.
- iv. Membolehkan pengetahuan dan pengalaman dikongsi oleh orang lain.

Pembelajaran kolaboratif menekankan pemikiran kritikal berbanding dengan persaingan atau pembelajaran berseorangan (Johnson *et al.* 1986). MacConnell (1994) pula menjelaskan, pembelajaran kolaboratif lebih kepada proses dan melibatkan persetujuan dari kumpulan bagi mencapai satu matlamat yang dipersetujui. Ia juga menjelaskan bahawa menekankan kepada beberapa prinsip iaitu :

- i. pelajar akan belajar secara bersama dalam kumpulan kecil (2 hingga 5 orang)
- ii. tugas harus direka bentuk sesuai dengan kumpulan
- iii. kerjasama yang baik perlu bagi memastikan kejayaan dicapai
- iv. setiap pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran dan harus mengambil bahagian
- v. Masa harus diberikan kepada pelajar untuk mewujudkan kemahiran interpersonal mereka.
- vi. Tugas guru berubah dari pemberi ilmu kepada fasilitator kepada pelajar

Dengan perkembangan teknologi ICT, pembelajaran kolaboratif menjadi satu alat yang digunakan dalam pembangunan perisian dan laman web. Penyelidikan ini juga menggunakan teknik pembelajaran kolaboratif yang diintegrasikan ke dalam laman web bagi kegunaan guru-guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar. Pembangunan sistem laman web ini dinamakan *Computer Supported Collaborative Learning in Teaching Practice* (CSCLinTP).

1.3 Penyataan Masalah

Sejauh manakah program CSCLinTP yang dibangunkan ini dapat membantu meningkatkan keyakinan guru pelatih dari aspek penulisan perancangan, pelaksanaan pengajaran, pembentukan peribadi dan ikhtisas dan refleksi diri guru pelatih berasaskan pendekatan kolaboratif dengan menggunakan kemahiran generik sebagai output dari proses penyeliaan menggunakan sistem?

1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk :

- 1.4.1 Menenalpasti tahap kemahiran generik yang wujud di kalangan guru-guru pelatih berdasarkan kriteria kemahiran generik UTM
- 1.4.2 Menenal pasti tahap penyeliaan bagi program latihan mengajar.
- 1.4.3 Menenalpasti ciri-ciri pembelajaran kolaboratif bagi program latihan mengajar.
- 1.4.4 Mereka bentuk dan membangunkan satu sistem laman web latihan mengajar yang menekankan ciri-ciri pembelajaran kolaboratif (*CSCLinTP*).
- 1.4.5 Mengkaji kesan (*CSCLinTP*) dalam aspek;
 - a) penulisan persediaan pengajaran
 - b) pelaksanaan pengajaran

- c) pembentukan keperibadian dan iktisas
- d) refleksi diri guru pelatih

1.4.6 Mengenalpasti adakah persekitaran CSCLinTP yang dibina dapat membantu guru pelatih meningkatkan kemahiran generik.

1.5 Persoalan kajian

- 1.5.1 Apakah tahap kemahiran generik guru-guru pelatih sebelum mereka menjalani latihan mengajar di sekolah?
- 1.5.2 Apakah tahap penyeliaan yang harus ada bagi membolehkan sesebuah penyeliaan dapat dijalankan di antara guru pelatih dan pensyarah pembimbing?
- 1.5.3 Apakah ciri-ciri reka bentuk CSCLinTP yang sesuai berasaskan pendekatan kolaboratif?
- 1.5.4 Apakah CSCLinTP yang dibina berasaskan pendekatan kolaboratif dapat memberi kesan guru pelatih dalam menyediakan penulisan perancangan pengajaran?
- 1.5.5 Apakah CSCLinTP yang dibina berasaskan pendekatan kolaboratif dapat memberi kesan guru pelatih dalam melaksanakan pengajaran?
- 1.5.6 Apakah CSCLinTP yang dibina berasaskan pendekatan kolaboratif dapat memberi kesan guru pelatih dalam membentuk keperibadi dan iktisas dalam program latihan mengajar?
- 1.5.7 Apakah CSCLinTP yang dibina berasaskan pendekatan kolaboratif dapat memberi kesan guru pelatih dalam melakukann refleksi sendiri?

- 1.5.8 Adakah persekitaran CSCLinTP yang dibina telah meningkatkan kemahiran generik guru pelatih setelah menjalani latihan mengajar?


1.6 Kerangka Teori

Kajian ini akan melibatkan pembangunan laman web bagi proses pembelajaran dan penyeliaan guru-guru pelatih di sekolah atau lebih mudah dikenali sebagai CSCLinTP. Pembangunan CSCLinTP ini menggunakan reka bentuk pengajaran model ADDIE sebagai tunggak pembangunannya. Ia akan melalui beberapa proses seperti analisis, reka bentuk, pembangunan, implementasi dan penilaian. Di samping proses pembangunannya yang menggunakan model ADDIE, ia juga dibangunkan menggunakan pendekatan pembelajaran kolaboratif.

Dalam kajian ini, pembelajaran kolaboratif yang dinyatakan oleh Smith dan MacGregor (1992) telah digunakan sebagai panduan dalam menentukan ciri-ciri sistem yang akan direka bentuk dan dibangunkan. Beliau menyatakan akan wujud lima andaian terhadap proses pembelajaran iaitu;

- a) Pembelajaran adalah proses yang aktif di mana pelajar menyatukan maklumat dan pengetahuan baru kepada pengetahuan sedia ada.
- b) Pembelajaran memerlukan pelajar berinteraksi secara aktif dengan rakan bagi tujuan mendapatkan maklumat untuk diproses dan dianalisis dan bukannya hanya untuk diingat.
- c) Pembelajaran berlaku apabila terdapat pelbagai perkara yang berbeza.
- d) Pembelajaran terjadi hasil dari interaksi persekitaran yang mana pelajar akan belajar dan membentuk konsep yang bermakna.
- e) Pembelajaran juga berlaku apabila terdapat perubahan atau pandangan yang berbeza berlaku. Pelajar akan membina kefahaman sendiri berasaskan perubahan yang didengar dan dialami.

Ciri-ciri penyeliaan yang ditekankan oleh Panduan Latihan Mengajar Fakulti Pendidikan, UTM (2004) iaitu penyeliaan dari aspek penulisan perancangan, pelaksanaan pengajaran, keperibadian dan ikhtisas dan refleksi sendiri.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian

1.7 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam proses penyediaan guru-guru yang berkualiti di sekolah atau institusi yang berkaitan atau yang terlibat secara langsung dalam proses penyeliaan guru-pelatih. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang dicadangkan juga diharap dapat mempertingkatkan kebolehan guru-guru pelatih dalam mendapat ilmu pengetahuan dan seterusnya mempertingkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Secara khususnya, kajian ini yang dijalankan ini penting kerana perkara-perkara berikut :

- a) Kajian ini penting untuk dilaksanakan kerana ia merupakan satu alternatif pembelajaran atau penyeliaan menerusi persekitaran laman web berasaskan pendekatan kolaboratif. Ia seterusnya akan meningkatkan proses penyeliaan terutamanya dari aspek kecekapan dan kualiti penyeliaan.

- b) Kajian ini merupakan salah satu usaha untuk mengenal pasti ciri-ciri pembelajaran kolaboratif yang boleh diterapkan kepada proses penyeliaan terutamanya menerusi penggunaan persekitaran laman web. Hasil kajian akan dapat dimanfaatkan oleh penyelidik, guru-guru dan bakal guru, penggubal kurikulum serta pembangun laman web pendidikan.

- c) Kajian ini juga amat penting kerana ia akan melihat apakah tahap kemahiran generik guru-guru pelatih dalam aspek penyelesaian masalah, pemikiran kritikal, kemahiran interpersonal dan kemahiran IT. Kemahiran ini amat penting kepada pembangunan negara selaras dengan hasrat kerajaan bagi mewujudkan modal insan pada masa yang akan datang. Hasil kajian ini akan memberi satu gambaran dan maklumat kepada penggubal kurikulum atau mereka yang terlibat dalam proses penyediaan guru-guru untuk terus berusaha bagi meningkatkan mutu pendidikan di peringkat universiti mahu pun negara

- d) Dalam kajian ini juga, ciri-ciri penyeliaan yang berkesan turut dikaji. Penyeliaan yang berkesan ini akan membawa implikasi kepada penyelia yang berkesan dan seterusnya akan dapat melahirkan guru-guru yang efektif di sekolah. Hasil kajian akan memberikan maklumat kepada sama ada guru pembimbing, pensyarah pembimbing serta guru-guru pelatih itu sendiri agar berusaha mendapatkan penyeliaan yang baik semasa proses latihan mengajar atau lain-lain aktiviti yang seumpamanya.

- e) Penggunaan alatan teknologi di sekolah telah menjadi satu keutamaan dalam bidang pendidikan. Banyak peralatan telah dibekalkan oleh pihak kementerian untuk digunakan dan dimanfaatkan bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya sistem penyeliaan secara elektronik ini, ia akan menjadi penggalak kepada penggunaan ICT yang optimum di sekolah dan akan meningkatkan motivasi para guru untuk terus menggunakannya.

1.8 Skop dan Batasan

Penyelidikan ini bertujuan menghasilkan alat penyeliaan berasaskan laman web menggunakan pendekatan kolaboratif yang hanya menekan proses penyeliaan di mana penyelia dan pelatih boleh berkomunikasi sebelum dan sesudah penyeliaan sebenar di sekolah. Ia juga menyediakan ruang komunikasi, bahan pengajaran, forum, *chatting*, *whiteboard* dan telesidang kepada pengguna sistem sama ada pensyarah (penyelia), penyelarar, pelatih mahupun guru pembimbing. Walaupun begitu proses perkongsian maklumat dan komunikasi ini hanya fokus kepada penulisan Rancangan Mengajar Harian pelatih, pengajaran dan pembelajaran, pembentukan diri guru pelatih serta refleksi pelatih terhadap latihan mengajar. Laman web yang dibina mengambil kira reka bentuk berasaskan pembelajaran kolaboratif dan elemen-elemen konstruktif yang diguna laman sistem. Ciri-ciri yang dikaji dalam kajian ini hanyalah melibatkan ciri-ciri pembelajaran kolaboratif yang bertujuan untuk pembinaan CSCLinTP.

Kajian ini juga hanya akan mengkaji 4 elemen utama yang terhasil dari penyeliaan iaitu dari aspek penulisan perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, keberibadian dan ikhtisas serta refleksi sendiri. Ia tidak mengambil kira elemen yang elemen lain yang mungkin terhasil dari sistem berasaskan laman web ini.

Kajian juga tertumpu kepada guru pelatih dan pensyarah pembimbing sebagai responden utama dalam mendapatkan dapatan dan tidak mengambil kira entiti lain seperti penyelarar, pengurus latihan, guru pembimbing, pengetua dan lain-lain yang mungkin terlibat dalam proses penyeliaan guru pelatih di sekolah. Kajian ini juga tidak terikat kepada isi kandungan dalam penyeliaan atau bahan-bahan pengajaran yang disediakan atau mungkin dikongsi oleh pelatih atau penyelia.

Program latihan mengajar dijalankan di semua institusi pengajian tinggi yang menganjurkan kursus pendidikan di Malaysia. Walaupun begitu, kajian ini terbatas kepada sampel bagi pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan yang akan dan pernah menjalani latihan mengajar di sekolah sahaja. Ia juga akan melibatkan beberapa orang pensyarah pembimbing yang juga terlibat dalam proses penyeliaan dan

penggunaan sistem CSCLinTP. Ia tidak akan melibatkan institusi latihan pendidikan guru yang lain. Namun ia masih boleh digunakan bagi institusi-institusi lain sekiranya bidang yang ditawarkan seperti di UTM.

1.9 Definisi Operasi

Berikut merupakan beberapa istilah atau terminologi yang diguna dalam penyelidikan ini;

1.9.1 Latihan Mengajar

Latihan Mengajar merupakan satu latihan amali untuk guru pelatih mempraktikkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari (Abu Hassan dan Meor Ibrahim, 1997). Latihan ini merupakan satu syarat yang mesti dipenuhi oleh guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan di Universiti Teknologi Malaysia di samping sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh ijazah dalam pengkhususan yang telah diikuti. Antara objektif latihan mengajar di Universiti Teknologi Malaysia mengikut Panduan Latihan Mengajar ialah ;

- a) Memberi latihan kepada bakal guru mengajar di sekolah.
- b) Memberi pendedahan kepada bakal-bakal guru tentang profesion perguruan serta tanggungjawabnya.
- c) Memberi bimbingan serta menilai kebolehan guru pelatih menjalankan tugas seperti mana yang dikehendaki oleh etika profesion perguruan.

Kajian ini akan fokus kepada latihan mengajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di mana guru-guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Fakulti Pendidikan diwajibkan menjalani latihan mengajar selama 12 minggu. Penekanan utama yang diberi dalam program latihan ini ialah aspek latihan dan bimbingan. Kebiasaannya, prestasi seorang guru pelatih di UTM akan dinilai menggunakan pendekatan analitis, merangkum 4 aspek iaitu penulisan rancangan mengajar (persediaan), pelaksanaan pengajaran, keperibadian

dan ikhtisas serta refleksi sendiri. Kajian ini akan hanya tertumpu kepada penekanan yang diberikan semasa penyeliaan berpandukan Buku Panduan Latihan Mengajar, Fakulti Pendidikan UTM. Rangka kajian adalah seperti berikut :

- a) Penulisan Persediaan Mengajar
 - merangkumi aspek objektif pengajaran, Isi Kandungan dan kefahaman, Strategi dan Bahan Bantu Mengajar.
- b) Pelaksanaan Pengajaran
 - merangkumi aspek pengenalan pengajaran, komunikasi, Strategi pengajaran, Penggunaan Bahan Bantu Mengajar, Interaksi Guru Murid, Perkembangan dan penilaian murid, Pengurusan Masa dan Bilik Darjah serta penutup pengajaran.
- c) Keperibadian dan Ikhtisas
 - aspek ini meliputi kematangan dan keyakinan diri, profesional serta perawakan/penampilan diri.
- d) Refleksi sendiri
 - melibatkan refleksi diri guru pelatih.

1.9.2 Pembelajaran kolaboratif

Kolaboratif biasanya melibatkan dua orang yang bekerjasama bagi mencapai tujuan yang sama. Menurut Sturman (1992), kolaboratif melibatkan proses merancang, melaksana dan menilai sesuatu secara kerjasama. Pembelajaran menggunakan kaedah pembelajaran kolaboratif pula amat luas dan menurut Gerlach (1994), pembelajaran kolaboratif adalah berasaskan persekitaran yang mana wujud interaksi antara pelajar dengan elemen-elemen di sekelilingnya. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran kolaboratif ditakrifkan sebagai pembelajaran yang berlaku akibat interaksi pelajar dengan sistem CSCLinTP yang direka bentuk menggunakan beberapa elemen iaitu :

- pembelajaran mesti berlaku dalam suasa aktif.
- Pelajar harus berfikiran terbuka untuk menerima dan memberi pandangan
- Pelajar harus bekerja dalam satu kumpulan
- Pembelajaran boleh berlaku jika wujud interaksi dengan persekitaran

- Pelajar mampu membentuk konsep sendiri akibat dari interaksi dengan persekitaran.

1.9.3 Kemahiran Generik

Takrif terbaru mengenai kemahiran generik ini adalah kemahiran insaniah. Walaupun begitu ia lebih popular dengan nama yang digunakan sebelumnya iaitu seperti kemahiran pekerjaan (*employability skills*), *soft skills*, *transferable skills*, kemahiran generik dan lain-lain. Menurut model Kearns (2001), kemahiran generik pada individu boleh dikelaskan kepada empat kumpulan iaitu kesediaan bekerja dan sifat bekerja individu, pengetahuan dalam keusahawanan, kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran interpersonal dan berfikir, serta ada kemahuan untuk belajar.

Terdapat banyak takrif mengenai kemahiran generik ini termasuklah oleh UTM (2007) yang menyatakan kemahiran generik sebagai di antara hasil pembelajaran (*learning outcomes*) yang perlu dikuasai selain dari pengetahuan dan kemahiran teknikal berkaitan setiap disiplin pengajian. Kajian ini akan menumpukan kepada kemahiran generik seperti berikut :

- Kemahiran Berkomunikasi
- Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- Kemahiran Kerja Berpasukan
- Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- Kemahiran Keusahawanan
- Etika dan Moral Profesional
- Kemahiran Kepimpinan
- Kemahiran ICT

1.9.4 Penyeliaan

Dalam program latihan mengajar, penyeliaan bermatlamat untuk memberi bimbingan yang berterusan ke arah perkembangan nilai-nilai profesional perguruan

di samping penekanan kepada penilaian *secara developmental* (Fakulti Pendidikan, 2004). Penyeliaan ini dijalankan di sepanjang tempoh latihan mengajar di antara guru pelatih dan pensyarah pembimbing atau guru pembimbing. Pengguna teknologi telah membantu proses penyeliaan ini.

Pembangunan CSCLinTP yang melibatkan beberapa alat teknologi seperti forum, *chatting*, mail elektronik, telesidang, perkongsian idea menerusi muat naik dan muat turun fail dan lain-lain yang berfungsi sebagai pembantu dalam menjayakan program latihan mengajar. Kajian ini mentakrifkan penyeliaan sebagai satu interaksi antara pengguna dengan CSCLinTP yang merangkumi semua aspek seperti mana penyeliaan secara bersemuka dan melibatkan lebih dari seorang pelajar. Ini bermaksud semua interaksi antara guru pelatih, pensyarah pembimbing atau mana-mana pelajar atau pengguna dalam sistem, dianggap sebagai satu proses dari penyeliaan.

1.9.5 Guru Pelatih

Umumnya guru pelatih adalah pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Dalam konteks kajian ini, guru pelatih adalah pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, UTM yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

1.9.6 Pensyarah pembimbing

Dalam kajian ini, pensyarah pembimbing merupakan penyelia yang dilantik oleh Dekan fakulti untuk melaksanakan tugas penyeliaan di sekolah-sekolah dalam musim latihan mengajar dijalankan. Menurut Panduan Latihan mengajar UTM (2004), tugas pensyarah pembimbing merangkumi;

- menghadiri Bengkel Pensyarah Pembimbing dan mesyuarat penyelarasan LM peringkat zon dan fakulti
- membuat lawatan pertama ke sekolah pada minggu pertama atau kedua untuk berjumpa pengetua, GP dan guru pelatih.

- menyelia pengajaran (pencerapan, bimbingan dan penilaian) guru pelatih berasaskan pencerapan klinikal mengikut cadangan Jadual Penyeliaan yang disediakan oleh JKLP. Kelemahan dan kekuatan kemahiran pengajaran guru pelatih hendaklah dicatat dalam buku Laporan Penyeliaan dan salinannya diserahkan kepada guru pelatih
- melaporkan perkembangan penyeliaan guru pelatih dengan memasukkan markah penyeliaan ke dalam Sistem Maklumat Latihan Mengajar berkomputer (SMLM), selepas setiap penyeliaan
